

Mangsa banjir di Perak menurun sedikit

IPOH 30 Nov. - Jumlah mangsa banjir di pusat pemindahan di negeri ini tidak banyak berubah apabila seramai 338 orang masih ditempatkan di tiga pusat pemindahan yang dibuka sehingga pukul 5 petang ini.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia negeri, Datuk Yahaya Madis berkata, jumlah berkenaan berkurang sebanyak 24 orang berbanding seramai 362 orang yang dicatatkan semalam.

Jelas beliau, jumlah paling ramai adalah di pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Merah iaitu 172 orang daripada 55 keluarga.

"Mereka yang ditempatkan di situ melibatkan mangsa banjir dari

10 kampung iaitu Kampung Batu 38, Batu 40, Parit Abu Hassan, Kampung Beriah, Parit Ali Kalang, Parit Lebai Kadir, Parit Mat Keling, Parit Air Hitam 2, Parit Simpang Empat dan Parit Simpang Lima.

"Parit Simpang Empat adalah kawasan terbaharu yang dinaiki air semalam dengan seramai 15 mangsa dari lima keluarga dipindahkan ke SK Bukit Merah akibat banjir.

"Begitu juga di kawasan Parit Buntar apabila 27 orang dari 10 keluarga dari Ladang Eow Seng dan Kampung Tersusun Tali Air telah dipindahkan ke Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Simpang Lima semalam," katanya di sini hari ini.

Yahya berkata, sebuah lagi pu-

sat pemindahan banjir di daerah Kerian merekodkan tiada perubahan jumlah mangsa banjir yang ditempatkan di SK Changkat Lobak iaitu 132 orang daripada 30 keluarga (Kampung Permatang Tengah) dan tujuh orang daripada tiga keluarga (Kampung Parit Air Hitam).

"Bagi daerah Hilir Perak pula 56 orang daripada 16 keluarga yang ditempatkan di SK Changkat Jong sebelum ini telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing hari ini. Mereka ini dari Kampung Lorong Mesra dan Batu 7.

"Paras air pula tidak banyak berubah di ketiga-tiga pusat pemindahan iaitu sekitar antara 0.3 meter hingga 1.2 meter," katanya.